



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jilid XV/ (1)

4 Januari 1999

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 1/1999:
Garis Panduan Pengendalian Aktiviti Sokongan Bahasa Inggeris Di Sekolah**

Kementerian Pendidikan Malaysia mendapati bahawa penguasaan Bahasa Inggeris, dari segi pembinaan minat dan pencapaian pelajar, boleh dipertingkatkan dengan menambah masa pendedahan pelajar kepada bahasa tersebut. Ini terbukti di sekolah-sekolah yang telahpun menjalankan aktiviti-aktiviti sokongan. Namun demikian, kebanyakan sekolah didapati membataskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris hanya kepada peruntukan masa dalam jadual waktu sahaja.

2. Dengan Surat Pekeliling Ikhtisas ini, semua sekolah hendaklah menjalankan aktiviti sokongan Bahasa Inggeris bagi tujuan menambah masa pendedahan pelajar kepada bahasa tersebut. Oleh kerana peruntukan masa pengajaran Bahasa Inggeris dalam jadual waktu adalah terhad dan tidak mungkin dapat ditambah tanpa menjejaskan masa untuk mata pelajaran lain, maka penambahan masa pendedahan ini hendaklah dilakukan melalui aktiviti-aktiviti sokongan di luar bilik darjah. Bagi tujuan tersebut disertakan bersama-sama ini Garis Panduan Pengendalian Aktiviti bagi rujukan sekolah. Pihak sekolah bolehlah membuat penyesuaian ke atas aktiviti yang hendak dijalankan mengikut keadaan dan kemudahan sekolah.

3. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
 7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 8. Ketua Nazir Sekolah
 9. Pegawai Perhubungan Awam

PANDUAN MENGENDALIKAN AKTIVITI SOKONGAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk mempertingkatkan langkah-langkah bagi menambah "contact time" Bahasa Inggeris di kalangan semua pelajar melalui aktiviti sokongan Bahasa Inggeris di Sekolah.

2. LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan, Kementerian Pendidikan telah meluluskan beberapa cadangan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar di sekolah. Salah satu cadangan yang dikemukakan ialah peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar melalui aktiviti sokongan Bahasa Inggeris di luar jadual waktu persekolahan.

3. RASIONAL

- Masa yang diperuntukkan bagi Bahasa Inggeris adalah terhad dan peruntukan masa ini tidak boleh ditambah tanpa menjejaskan masa bagi mata pelajaran lain.
- Langkah-langkah perlu diambil bukan sahaja untuk mempertingkatkan motivasi pelajar tetapi juga mengubah sikap pelajar supaya pembelajaran Bahasa Inggeris dapat dimaksimakan. Oleh itu, pengendalian aktiviti sokongan Bahasa Inggeris yang terancang akan meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris secara menyeluruh.
- Aktiviti sokongan Bahasa Inggeris akan mewujudkan peluang yang lebih luas bagi pelajar menggunakan Bahasa Inggeris terutamanya di luar bilik darjah.
- Aktiviti sokongan Bahasa Inggeris akan memberi keyakinan kepada pelajar untuk menggunakan Bahasa Inggeris dalam pelbagai situasi.

4. OBJEKTIF

- Mewujudkan suasana dan persekitaran yang kondusif dan positif terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah.
- Memastikan semua aktiviti dan projek Bahasa Inggeris yang dilancarkan dijalankan secara berterusan.
- Menentukan Pengetua/Guru Besar memainkan peranan selaku pemimpin kurikulum untuk memberi nasihat dan membimbing Jawatankuasa Kurikulum Sekolah serta Panitia Bahasa Inggeris dalam merancang dan melaksanakan aktiviti sokongan Bahasa Inggeris.
- Meningkatkan motivasi pelajar untuk menguasai Bahasa Inggeris melalui aktiviti yang dilaksanakan.

5. PELAKSANAAN

(i) Peranan dan Tanggungjawab

Jawatankuasa Kurikulum Sekolah adalah bertanggungjawab dalam perancangan dan pengurusan aktiviti sokongan Bahasa Inggeris yang melibatkan semua pelajar di sekolah. Jawatankuasa ini akan menentukan projek dan aktiviti yang dijalankan sama ada melalui Persatuan Bahasa Inggeris atau panitia Bahasa Inggeris. Persatuan Bahasa Inggeris perlu menjalankan aktiviti yang berterusan untuk memenuhi keperluan dan minat ahli persatuan. Jawatankuasa Kurikulum sekolah juga akan menentukan sejauh mana penglibatan pihak-pihak lain seperti guru lain di sekolah, PIBG dan sektor swasta dapat membantu aktiviti dan projek yang ditetapkan.

Ketua Panitia Bahasa Inggeris akan menyelaras semua aktiviti. Tumpuan adalah kepada perkara-perkara berikut:

- (a) jenis-jenis aktiviti (sila lihat lampiran)
- (b) rancangan tahunan/bulanan
- (c) jadual pelaksanaan
- (d) pembahagian tugas dan jadual tugas bagi setiap guru Bahasa Inggeris

Ketua Panitia akan memastikan semua aktiviti sokongan ini dijalankan secara berterusan. Beliau juga akan menyelaras semua tugas guru Bahasa Inggeris dalam melaksanakan aktiviti sokongan ini. Ketua Panitia perlu memastikan pembahagian tugas dijalankan secara adil kepada semua guru Bahasa Inggeris. Selain itu, Ketua Panitia boleh melibatkan guru-guru mata pelajaran lain untuk melicinkan perjalanan aktiviti ini, seperti menjadikan mereka pengadil atau penyelaras pertandingan.

Guru Bahasa Inggeris juga bertanggungjawab dalam menyediakan pelan tindakan yang terperinci dan memastikan status pelaksanaan semua aktiviti sokongan. Guruguru "rotation" digalakkan mendapatkan bantuan guru lain, pengawas dan pelajar dalam melaksanakan semua aktiviti sokongan.

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) perlu memastikan bahawa semua sekolah dalam negeri/daerah melaksanakan aktiviti-aktiviti sokongan seperti yang ditetapkan dalam garis panduan ini. JPN/PPD perlu memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada sekolah-sekolah yang memerlukannya. JPN/PPD dikehendaki juga mengambil kira aktiviti sokongan Bahasa Inggeris dalam agenda yang perlu dilihat semasa mereka menjalankan pemantauan. Pihak JPN/PPD akan melaporkan kemajuan program ini kepada Kementerian Pendidikan apabila diperlukan.

(ii) Kumpulan Sasaran

Penyertaan semua pelajar dalam aktiviti sokongan Bahasa Inggeris adalah diwajibkan dan tidak hanya terhad kepada ahli persatuan Bahasa Inggeris.

(iii) Faktor Masa

Semua pelajar dimestikan melibatkan diri sekurang-kurangnya satu jam seminggu di luar waktu persekolahan dalam aktiviti-aktiviti sokongan ini.

(iv) Faktor Persekitaran

Aktiviti-aktiviti perlu menggalakkan semua pelajar menggunakan Bahasa Inggeris dalam persekitaran yang selesa. Suasana perlu diwujudkan agar pelajar tidak berasa malu atau segan silu untuk menggunakan Bahasa Inggeris. Suasana yang kaya dengan bahan-bahan visual, auditori dan kinestetik perlu diadakan untuk mengambil kira pelbagai gaya pembelajaran pelajar.

(v) Jenis-jenis Aktiviti

Aktiviti yang dilaksanakan perlu mengambil kira minat dan kebolehan pelajar yang berbeza. Kegiatan ini perlu dipelbagaikan dan boleh berbentuk perseorangan, berpasangan dan berkumpulan. (Sila rujuk lampiran bagi contoh-contoh aktiviti).

(vi) Kekerapan Aktiviti

Aktiviti perlu dijalankan secara berterusan. Sesetengah aktiviti seperti "story telling", "choral speaking" dan "debate" perlu dilaksanakan dalam satu jangka masa tertentu, contohnya dalam semester satu atau semester dua. Projek-projek lain seperti "English Bulletin Board", "A Word a Day", "A Proverb a Week", persembahan semasa perhimpunan, projek bacaan dan lain-lain perlu dilaksanakan secara berterusan.

(vii) Tahap Penyertaan

Aktiviti yang dijalankan perlu melibatkan semua pelajar. Pertandingan perlu diadakan pada semua peringkat iaitu dalam kelas, antara kelas dan antara Tahun/Tingkatan. Penyertaan juga boleh dikategorikan mengikut kumpulan urnur.

(viii) Insentif dan Hadiah

Hadiah dan pelbagai insentif termasuk sijil boleh ditawarkan sebagai tanda penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti sokongan. Bagi pelajar-pelajar yang lemah dalam Bahasa Inggeris dan telah menunjukkan peningkatan pencapaian dalam penguasaan Bahasa Inggeris, pengiktirafan seperti pemberian hadiah/sijil adalah digalakkan.

(ix) Pemantauan

Pemantauan perlu dijalankan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan aktiviti-aktiviti sokongan Bahasa Inggeris. Pihak yang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas ini ialah Panitia Bahasa Inggeris dan "Teacher Support Team". Panitia Bahasa Inggeris di sesebuah sekolah harus memantau segala jenis aktiviti dan kekerapan aktiviti yang dijalankan di sekolah dengan terperinci, serta menentukan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti tersebut, Pasukan TST pada peringkat negeri dan daerah perlu saling membantu usaha-usaha yang dijalankan oleh panitia sekolah. Pasukan TST yang mempunyai perspektif luas tentang keadaan di daerah atau negeri akan memberi cadangan dan nasihat tentang jenis dan care pelaksanaan aktiviti yang boleh memberi manfaat pelajar.

6. PENUTUP

Keberkesanan program ini banyak bergantung kepada kecekapan kepimpinan pihak sekolah. Aktiviti sokongan dalam Bahasa Inggeris akan membantu memantapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih bersepadu, Secara tidak langsung, ini akan membantu pelajar menguasai Bahasa Inggeris dengan lebih baik. Untuk memastikan kejayaan program ini, kerjasama antara semua pihak di sekolah serta PIBG adalah penting.

CONTOH AKTIVITI UNTUK MEMAKSIMUMKAN PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS

- **Bulletin Board**

Papan Buletin merupakan papan yang disediakan bertujuan untuk mempamerkan projek, item-item berita, hasil penulisan/kreatif pelajar, peribahasa, pepatah, item-item berbentuk perkataan dan sebagainya. Susun atur papan adalah penting. Guru-guru perlu memberi perhatian kepada penggunaan tajuk, kapsyen, bahan ilustrasi, penggunaan warna dan sebagainya. Bahan-bahan yang dipamerkan perlu kerap dituka. Jawatankuasa khas perlu ditugaskan untuk merancang pengendalian papan buletin ini. Pelajar-pelajar pula perlu didorong untuk menyumbang idea dan bahan-bahan.

- **Choral Reading**

"Choral Reading" adalah satu aktiviti di mana sesuatu bahan atau teks dipilih dan dibaca oleh pelajar secara kumpulan dengan penuh perasaan. Dalam persembahan "Choral Reading" pelajar-pelajar perlu memikirkan tentang makna teks, irama dan bunyi setiap baris atau ayat. Mereka juga perlu mengenal pasti tempat-tempat berhenti seketika dan perkataan-perkataan yang perlu diberi penekanan. "Choral Reading" membantu pelajar mempelajari proses sebutan secara tepat dan mempelbagaikan nada suara, tempo dan kualiti suara yang baik untuk tujuan kesan khas.

- **Jazz Chants**

"Jazz Chants" melibatkan teks atau rangkap yang dilafaz atau dideklamasikan mengikut rentak atau irama tertentu. Rangkap ini boleh didendangkan secara perseorangan atau dalam kumpulan. Selalunya, teks dilafazkan dalam pelbagai rentak dan nada bersesuaian dengan maksud rangkap berkenaan.

- **Poetry Recital**

Aktiviti deklamasi sajak boleh dipersembahkan oleh pelajar secara individu atau berkumpulan semasa perhimpunan mingguan atau masa-masa lain dianggap sesuai. Pelajar dibenarkan memilih jenis sajak yang ingin dideklamasikan. Contohnya, sajak beririh, naratif atau satira. Pertandingan mendeklamasikan sajak juga boleh dianjurkan dan markah boleh diberikan berdasarkan sebutan, kaedah pengucapan dan penyataan, gaya dan lain-lain.

- **Story-telling**

Aktiviti bercerita lazimnya dilakukan secara individu. Pelajar dibenarkan untuk memilih kisah-kisah benar atau yang berunsur khayalan. Dalam menganjurkan pertandingan bercerita, pihak penganjur perlu menetapkan kadar masa, contohnya 10-15 minit dan peserta juga perlu diberitahu bahawa mereka akan dinilai dari segi penyampaian, sebutan, kaedah pengucapan dan penyataan, gaya dan lain-lain.

- **Aktiviti Drama dan Sketsa**

Drama dan sketsa merupakan aktiviti yang menarik minat dan mendapat sambutan baik daripada pelajar. Pertandingan drama dan sketsa antara kelas/tingkatan adalah digalakkan.

Syarat-syarat pertandingan boleh ditentukan oleh setiap sekolah mengikut tahap dan kebolehan pelajar. Aktiviti drama atau sketsa ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk meliahkan perasaan serta memperkembangkan kreativiti mereka. Aktiviti ini juga akan memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan lebih luas dalam Bahasa Inggeris untuk tujuan hiburan dan pendidikan.

- **Daily News Recap**

Masa yang sesuai seperti masa rehat perlu dikhaskan untuk memberi peluang kepada pelajar mengimbas semula berita-berita penting yang dilaporkan dalam Bahasa Inggeris sama ada dalam suratkhbar atau media-media lain.

- **Assembly Presentations**

Aktiviti ini melibatkan peruntukan masa yang khusus dalam perhimpunan mingguan bagi persembahan-persembahan dalam Bahasa Inggeris. Persembahan ini boleh diadakan dalam pelbagai bentuk seperti persembahan "jazz chants", deklamasi sajak dan bercerita. Persembahan ini boleh dilakukan secara bergilir-gilir oleh pelajar secara individu dan berkumpulan.

- **Air waves**

Beberapa minit setiap hari perlu diperuntukkan supaya pengumuman dan laporan mengikut tajuk-tajuk tertentu dapat disiarkan dalam Bahasa Inggeris melalui sistem siar raya.

- **English Day/Week**

Pihak sekolah perlu mengisytiharkan satu hari dalam seminggu sebagai Hari Bahasa Inggeris. Pada hari tersebut semua pelajar, guru dan staf sokongan akan berinteraksi dalam Bahasa Inggeris. Secara tidak langsung, penglibatan guru-guru dan staf sokongan akan memberikan pelajar impetus untuk menggunakan Bahasa Inggeris dalam aktiviti-aktiviti harian mereka. Pihak sekolah juga boleh menganjurkan Mingguan Bahasa Inggeris sebulan sekali atau dua bulan sekali.

- **Spelling Bee**

"Spelling Bee" merupakan gelaran yang diberi kepada seseorang pelajar yang pakar dalam ejaan. Untuk mengenal pasti individu ini pertandingan ejaan akan diadakan di mana pelajar perlu mengeja senarai perkataan yang ditetapkan. Pemenang ialah pelajar yang dapat mengeja semua perkataan yang diberi dengan tepat.

- **DEAR (Drop Everything and Read) Project**

Ini adalah satu projek bacaan luas. Peruntukan masa selama 20 minit atau 30 minit dalam seminggu diadakan untuk memberi peluang kepada pelajar, guru dan kakitangan sekolah membaca bahan dalam Bahasa Inggeris. Pelajar-pelajar boleh membawa bahan bacaan sendiri atau meminjamnya daripada perpustakaan sekolah.

- **Readathon**

"Readathon" merupakan pertandingan membaca di kalangan pelajar. Pada jangka masa yang ditetapkan (3 hingga 6 bulan) pelajar dikehendaki membaca seberapa banyak buku yang boleh. Pelajar dikehendaki mencatat semua judul buku yang dibaca sebagai bukti. Pemenang ialah pelajar yang telah membaca dan memahami bilangan buku yang terbanyak.

- **Debate**

Pertandingan bahas antara kelas adalah amat digalakkan. Ini adalah kerana aktiviti perbahasan memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik untuk menunjukkan kebolehan masing-masing dalam teknik berhujah. Secara tidak langsung, pelajar-pelajar ini juga akan menjadi "role model" kepada pelajar-pelajar lain. Topik-topik semasa dan kontroversial boleh dipilih sebagai stimulus ke arah sesi perbahasan yang menarik, berkesan dan berfaedah.

- **English Quiz**

Pihak sekolah boleh menganjurkan kuiz dalam Bahasa Inggeris. Soalan-soalan boleh diperingkatkan daripada topik-topik umum kepada topik-topik yang lebih spesifik seperti sukan, personaliti terkenal, sejarah dan geografi. Pelajar perlu dimaklumkan tentang peraturan-peraturan asas terutama sekali mengenai bilangan cubaan yang dibenarkan.

- **Language Games**

Permainan bahasa adalah sangat popular di kalangan pelajar. Antara contoh-contoh permainan bahasa dalam Bahasa Inggeris ialah permainan menggunakan kad seperti "Happy Families", permainan berunsurkan "papan" seperti "Monopoly", "Totopoly" dan permainan mengaplikasikan perkataan seperti "Scrabble" dan "Boggle". Pelajar perlu digalakkan bermain permainan-permainan seperti di atas apabila ada kelapangan. Pihak sekolah atau Persatuan Bahasa Inggeris perlu menyediakan set-set permainan ini untuk pelajar. Pertandingan permainan bahasa juga boleh dianjurkan.

- **Corridor of Knowledge**

Koridor sekolah boleh dijadikan koridor pengetahuan. Dinding koridor boleh dijadikan sebagai tempat mempamerkan hasil penulisan pelajar seperti karangan, berita dalam Bahasa Inggeris dan bahan-bahan lain. Papan bergerak boleh digunakan sekiranya koridor terlalu sempit,